

Bekalan bawang mencukupi

Menteri jelaskan harga bawang sudah tinggi sebelum masuk ke Malaysia

SYAJARATULHUDA
MOHAMAD ROSLI

SEBERANG JAYA

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan bekalan bawang di negara ini mencukupi sehingga sambutan Tahun Baru Cina pada hujung Januari depan.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, walaupun India melarang eksport bawang, bekalan bawang termasuk bawang merah, putih dan kecil masih mencukupi.

Menurutnya, selain India, Malaysia juga mengimport bawang dari Belanda, China dan Pakistan.

"Malaysia mengimport bawang dari empat negara yang mana trend sekarang, India telah menghentikan eksport bawang kerana beberapa faktor. Walau pun India merupakan pengeksport terbesar kepada Malaysia, kita masih ada bawang dari Belanda, Pakistan dan China."

"Oleh demikian, bekalan bawang dalam negara akan mencukupi sehingga Januari tahun depan kerana kita masih ada tiga negara ini. Itu yang menjamin bekalan bawang negara mencukupi," katanya pada sidang media selepas menghadiri Program Kembali Ke Sekolah Bersama Tesco di sini semalam.



Saifuddin Nasution (kiri) meninjau harga jualan bawang selepas sidang media di Tesco Seberang Jaya semalam.

Mengulas mengenai harga bawang yang melonjak tinggi, Saifuddin berkata, perkara berkenaan berlaku disebabkan peningkatan harga yang berlaku ketika barang runcit itu memasuki negara.

"Harga bawang dari India ini berlaku bukan di peringkat runcit, sebaliknya ia meningkat sejak ia memasuki negara lagi. Disebabkan perkara itu, berlaku rantai harga sehingga menyebabkan harga runcit turut naik."

"Mungkin ada yang pelik, bekalan mencukupi tetapi harga naik. Maka inilah faktornya yang

mana harga bawang memang tinggi sejak ia dieksport," katanya.

Beliau berkata, pihaknya akan meneliti laporan sebuah akhbar mengenai penemuan bawang dari Malaysia yang dijual di negara jiran berikutan permintaan dan harga tinggi.

"Saya dimaklumkan oleh pegawai mengenai perkara itu dan kita akan meningkatkan aspek kawalan di sempadan untuk melihat adakah ia begitu berleluasa sehingga ia menjadi faktor kepada peningkatan harga."

"Kita juga akan teliti laporan itu untuk mengetahui adakah ia sudah di tahap mencemaskan," katanya.

Sebelum ini, pengguna di beberapa negeri merungut apabila harga bawang merah India yang biasanya dijual pada RM4 sekilogram kini mencecah RM16 sekilogram.

KLIK

HARGA MELONJAK... Harga bawang merah India melonjak hampir sekali ganda kepada RM15 sekilogram berbanding RM9 sekilogram sebelum ini ketika tinjauan di beberapa buah pasar dan premis pemilagaan di Labuan semalam.

Menurut Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Wilayah Persekutuan Labuan, kekurangan bekalan itu di negara ini bermula sejak September lalu berikutan larangan eksport oleh kerajaan India. Tindakan itu dibuat akibat penyusutan bekalan di India susulan cuaca tidak menentu, pilihan raya selain memberi tumpuan kepada keperluan rakyat mereka. - Bernama